
KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	23.02.22	MUKA SURAT	:	16
JABATAN	:	JPN PAHANG			



KIRA-KIRA 200 pokok durian musang king ditebang kerana ditanam secara haram di hutan milik kerajaan di Sungai Lembing semalam.

200 pokok musang king dimusnahkan

KUANTAN – Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) terus bertindak tegas dengan memusnahkan kira-kira 200 pokok durian musang king yang ditanam di dalam hutan milik kerajaan negeri di Sungai Lembing di sini.

Pegawai Hutan Daerah Kuantan, Pekan dan Maran, Norshazlee Roslee berkata, dalam operasi bersepadu selama empat jam berhampiran Kampung Kolong Pahat dan Kampung Sebarang semalam itu berjaya memusnahkan kira-kira 200 pokok durian musang king berusia empat hingga lima tahun.

"Dalam pemantauan dilakukan di kawasan sekitar turut terdapat lebih 2,500 pokok durian musang king berusia satu hingga dua tahun yang akan dimusnahkan secara berperingkat tidak lama lagi.

"Kita juga akan memusnahkan rumah kongsi dan rumah tenaga solar yang terdapat di kawasan hutan milik kerajaan itu," katanya di sini semalam.

Menurut Norshazlee operasi penguatkuasaan bersepadu di Kampung Kolong Pahat dan Kampung Seberang itu diadakan selama seminggu yang turut membabitkan aktiviti menanam pokok balak berkualiti tinggi sebanyak 3,000 pokok.

Jelasnya, operasi bersepadu membabitkan beberapa agensi kerajaan yang diadakan kali ini merupakan yang pertama diadakan pihaknya tahun ini yang membabitkan tanah milik kerajaan dengan keluasan kira-kira satu hektar.